

Mahathir kesal sikap negara tolak EAEC

KUALA LUMPUR 26 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan sikap negara-negara tertentu yang sengaja menolak cadangan Malaysia untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap, langkah Jepun, Korea Selatan dan China meminta supaya mereka diberi lebih masa sebelum membuat pendirian bukanlah satu cara untuk mengelak daripada membuat keputusan.

"Kita boleh bagi lebih masa...tetapi bukanlah satu cara untuk mengelak daripada membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas me-

lancarkan Perayaan Sejahtera Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah menjelaskan berkali-kali bahawa negara ini tidak ada niat buruk selain daripada memelihara sistem dagangan bebas dengan mewujudkan EAEC.

"Jika ada EAEC kita boleh pertahankan sistem dagangan bebas supaya blok-blok dagangan lain tidak menggunakan kekuatan mereka untuk menguruskan dagangan untuk kepentingan mereka...itu sahaja...bukan kita ada niat untuk buat *trading block* dan ini telah kita jelaskan berkali-kali. Saya tak tahu apa nak jelaskan lagi. ASEAN pun dah terima," katanya.